



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 13 OKTOBER 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 13 Oktober 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **10,832 kes** (2,227,889 kes kumulatif, 94.3%);
- Kes baharu : **7,950 kes** (2,361,529 kes kumulatif);
- Kes import : **29 kes** (21 warganegara; 8 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **7,921 kes** [7,275 warganegara (91.8%); 646 bukan warganegara (8.2%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **725 kes** (710 kes COVID-19; 15 kes *suspected, probable*, dan kes dalam siasatan);
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **380 kes** (304 kes COVID-19; 76 kes *suspected, probable*, dan kes dalam siasatan);

- Jumlah kluster : **5,624 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **13 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **4,862 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **762 kluster**.

Daripada **7,950 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini;

- **133 kes (1.7 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **7,817 kes (98.3 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian kluster-kluster baharu dan nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1 dan 2 yang disertakan bersama kenyataan media ini. Manakala, maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah

pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

13 Oktober 2021 @ 6:30 petang.

LAMPIRAN 1**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 13 OKTOBER 2021**

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
1	Industri Jalan Zurah Lima	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Selangor	42	100
2	Industri Jalan Sembilan Olak Lempit	Tempat Kerja	Selangor	Kuala Langat	31	65
3	Tapak Bina Persiaran Bukit Raja 2	Tempat Kerja	Selangor	Klang dan Petaling	28	450
4	Jalan Haji Taib Salak	Tempat Kerja	Selangor	Sepang	10	31
5	Industri Jalan Usaha Enam	Tempat Kerja	Melaka	Melaka Tengah dan Jasin	15	568
6	Dah Putih Industri Kulim	Tempat Kerja	Kedah	Kulim	30	150
7	Menuang	Komuniti	Sarawak	Limbang	18	83
8	Ensurai	Komuniti	Sarawak	Limbang	19	220
9	Bukit Damar	Komuniti	Pahang	Temerloh	22	67
10	Dah Taman Melor	Institusi Pendidikan Swasta yang berdaftar di bawah KPM	Kedah	Kuala Muda dan Kota Setar	32	86
11	Persiaran Lavender Dua	Pendidikan Lain	Negeri Sembilan	Seremban	8	35

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
12	Jalan Pegawai	Kumpulan Berisiko Tinggi	Selangor	Sabak Bernam	14	132
13	DTI Bekenu	Pusat Tahanan	Sarawak	Subis	48	48

LAMPIRAN 2**NILAI R_T MENGIKUT NEGERI
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN
PADA 12 OKTOBER 2021**

NEGERI	NILAI R_T
WP PUTRAJAYA	1.09
NEGERI SEMBILAN	1.05
PERLIS	1.05
KELANTAN	0.96
TERENGGANU	0.94
WP KUALA LUMPUR	0.94
PAHANG	0.91
SELANGOR	0.90
MELAKA	0.90
SABAH	0.86
KEDAH	0.86
PERAK	0.86
JOHOR	0.83
PULAU PINANG	0.82
SARAWAK	0.80
WP LABUAN	0
MALAYSIA	0.88